

Naik harga penutup mulut dan hidung, pemilik farmasi di Kuching didenda RM10,000

2020-02-19T17:58:29+08:00
oleh Jeremy Lanson



Pegawai KPDNHEP menunjukkan contoh-contoh penutup mulut dan hidung disenarai di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

KUCHING: Gara-gara mahu mengaut keuntungan RM1, seorang peniaga didenda RM10,000 kerana menaikkan harga penutup mulut dan hidung jenis N95 melebihi harga kawalan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak Mohd Hanizam Kecek berkata tindakan tersebut dikenakan terhadap pemilik sebuah farmasi di pusat bandar raya Kuching sekitar jam 3.50 petang pada Selasa.

Menurutnya, pihaknya menerima aduan berkenaan kenaikan harga topeng tersebut daripada orang awam.

"Semasa operasi dilakukan, didapati harga penutup mulut dan hidung yang dijual di premis tersebut ialah RM7.00 dan ia melebihi harga kawalan (RM6.00)," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Tambahnya, pemilik premis kemudian dikompaun RM10,000 di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Ini kerana pemilik premis menjual atau menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal selain harga maksimum runcit yang ditentukan," katanya.

Hanizam selain itu menegaskan Kementerian akan mengambil tindakan sekiranya peniaga mengambil kesempatan dengan menaikkan harga topeng muka susulan COVID-19.

"Sebarang pelanggaran di bawah peruntukan akta ini bagi kesemua jenis penutup mulut dan hidung yang dinyatakan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Bagi individu, pesalah boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 dan bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun RM250,000," tegasnya.

Justeru, beliau memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan kepada pihaknya sekiranya ada penjaja yang gagal mematuhi undang-undang berkenaan.

Laporan boleh dibuat dengan menghubungi Bilik Gerakan KPDNHEP Sarawak, Kuching (082-466012), Sri Aman (082-323836), Sarikei (084-657751), Sibul (084-335622), Kapit (084-799678), Mukah (085-412862), Bintulu (086-332176), Miri (085-412862), Limbang dan Lawas (085-217414).

